



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH- Bisnes			
TARIKH	:	22/6/2021	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	TNB			

Permintaan elektrik di Semenanjung tidak terkesan

Permintaan elektrik di Semenanjung masih berada dalam landasan untuk meningkat tahun ini meskipun terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh.

Walaupun PKP 3.0 dilaksanakan ketika ini, permintaan elektrik tidak menguncup secara mendadak seperti dicatatkan tahun lalu, demikian kata penganalisis.

Maybank IB Research berkata, penjanaan elektrik di Semenanjung menguncup 8.5 peratus sejak pelaksanaan PKP 3.0 yang bermula 1 Jun lalu.

Jika dibandingkan semasa PKP pertama yang dilaksanakan antara Mac hingga Mei 2020, ia menjelaskan, penjanaan elektrik merosot sebanyak 24 peratus.

Justeru, katanya, dengan kadar tahunan dan jangkaan permintaan sejajar penjanaan elektrik, pihaknya menjangkakan setiap bulan bagi PKP penuh dilaksanakan akan merendahkan permintaan 0.7 peratus.

"Data permintaan tidak dikeluarkan, tetapi pada pandangan kami ia akan sejajar dengan penjanaan (elektrik).

"Dengan kadar tahunan, kami jangka setiap bulan PKP penuh merendahkan permintaan keseluruhan tahun sebanyak 0.7 peratus.

"PKP penuh setakat ini berlangsung sebulan, sekali gus permintaan di Semenanjung masih dalam landasan untuk berkembang pada 2021," katanya dalam nota penyelidikannya.

Mengenai prestasi Tenaga Nasional Bhd (TNB), Maybank IB Research berkata, unjurannya terhadap pendapatan dan harga sasaran RM12 bagi TNB kekal tidak berubah.

Ia berkata, syarikat utiliti nasional itu terlindung daripada turun naik tidak menentu permintaan, dengan hanya segmen perkhidmatan pelanggan terdedah kepada risiko permintaan.